

**PERSIDANGAN GABUNGAN NGO KELUARGA MALAYSIA
WORLD TRADE CENTER, KUALA LUMPUR
27 JULAI 2022**

**CITRA KELUARGA MALAYSIA DALAM PEMBINAAN NEGARA
BANGSA SEJAHTERA MELALUI PENGUPAYAAN
KOR AKWAM 181**

DATUK PROFESOR MADYA DR WAN AHMAD FAUZI BIN WAN HUSAIN
Pengasas Jurisprudens Watan/ Fakulti Pengurusan Industri
Universiti Malaysia Pahang, merangkap
Waris Amanah Mahaguru
Pertubuhan Seni Gayong Serantau Malaysia
wanfauzi@ump.edu.my

PENGENALAN

Pepatah Melayu ada menyatakan, “yang bulat takkan datang bergolek, yang pipih takkan datang melayang”. Iktibar daripada pepatah tersebut begitu mudah untuk digarap bahawa Citra Keluarga Malaysia seperti yang digagaskan oleh YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri perlu disambut, dicernakan konsepnya dan disebar luas kepada rakyat serta diterjemahkan dalam polisi bagi sebarang tindakan eksekutif oleh Kerajaan.

Konsep ‘Keluarga Malaysia’ menggariskan tiga teras utama dan 20 pengkayaan nilai yang menitik-beratkan kesejahteraan bersama melalui keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran. Kesejahteraan pastinya sukar dicapai sekiranya konsep Keluarga Malaysia tidak melestarikan citra watan yang sekian lama menjadi jati diri setiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan Borneo yang membentuk Malaysia pada hari ini.

Justeru Kertas ini bertujuan untuk menjelaskan kerangka negara bangsa dan peranan KOR AKWAM 181 dalam mendukungi konsep Keluarga Malaysia. KOR AKWAM 181 ialah aktiviti yang menjalinkan kerjasama antara Pertubuhan Seni Gayong Serantau Malaysia (PSGSM) dengan NGO lain seperti matlamatnya yang termaktub dalam Perlembagaan PSGSM.

KERANGKA NEGARA BANGSA

Terdapat empat aspek utama yang membina kerangka konsep sebuah negara bangsa, iaitu; rakyat, bangsa, negara dan perasaan cintakan tanah air.

1. Rakyat

Rakyat merangkumi individu yang mempunyai ras dan mewakili etnik tertentu. Individu bermaksud "seorang manusia". Apabila individu itu dirujuk dalam konteks keberadaannya di dalam suatu wilayah kerajaan atau sesebuah negara maka disebut sebagai 'rakyat raja', rakyat atau warganegara.

2. Bangsa

Berbeza dengan etnik, bangsa merujuk kepada kumpulan masyarakat yang mendiami suatu wilayah di bawah pemerintahan sebuah kerajaan pusat serta diikat dengan sistem undang-undang tertentu. Setiap anak bangsa mempunyai hak dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh undang-undang. Istilah bangsa melangkaui kumpulan ras atau etnik. Sebaliknya, konsep ras atau etnik memiliki ciri, nilai, budaya, sejarah dan warisan berasaskan pada darah keturunan. Maka dengan itu, ras atau etnik yang sama boleh menganggotai pelbagai bangsa. Bangsa sebelum wujud istilah kewarganegaraan lebih jelas jika ditakrifkan sebagai rakyat raja, atau etnik penguasanya.

3. Negara

Istilah negara merujuk kepada entiti politik berserta sistem yang mengawal kehidupan manusia dari pelbagai peringkat, iaitu keluarga, masyarakat dan wilayah. Negara juga dianggap sebagai satu unit politik yang mempunyai kedaulatan, tanggungjawab serta kuasa untuk menjalankan pemerintahan sendiri di samping akauntabiliti kepada yang dipimpin.

4. Cintakan Tanah Air

Cintakan tanah air ialah cinta pada watannya atau istilah popular ialah *hubbul watan*. *Hubbul watan* merangkumi gabungan semangat nasionalisme dan patriotisme. Kedua-dua semangat tersebut berpaksi pada komitmen dalam

bentuk perjuangan dan penghayatan seorang rakyat sehingga sanggup berKORban nyawa demi melestarikan jati diri watannya.

Kerangka negara bangsa tersebut menunjukkan isu bangsa sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan jati diri kerana dengannya suatu bangsa dikenali dan dicitrakan. Justeru, jati diri adalah satu premis yang penting untuk memperkasakan konsep Keluarga Malaysia sebagai landasan perpaduan nasional.

KOR AKWAM 181

Silat Seni Gayong lahir daripada seni silat asli Melayu pusaka pahlawan sejak zaman dahulu kala. Ilmu Gayong yang berasal daripada Pahlawan Gayong dizahirkan semula oleh Dato' Mahaguru Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Mohd. Hashim. Ilmu Gayong telah diwarisi oleh Dato' Laksamana Hang Tuah dan para pahlawan terbilang selepas beliau seperti Pahlawan Mat Kilau dan Syed Zainal al-Attas.

Melihat kepada kepentingan watan dalam penghayatan sistem bernegara dan pembinaan jati diri bangsa Malaysia yang sejahtera melalui Keluarga Malaysia maka PSGSM pada tahun 2021 telah meminda perlembagaannya untuk mengangkat KOR AKWAM 181 sebagai aktiviti rasmi yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan. Aktiviti KOR AKWAM 181 sudah berjalan dengan kemampuan yang dimiliki oleh PSGSM dan komitmen pasukan sekretariatnya.

KOR AKWAM 181 mempunyai piagam seperti yang berikut:

Moto

Watan Persekutuan

Visi

Watan tanah air teras jati diri bangsa Malaysia.

Misi

Membina bangsa Malaysia yang mencintai watan tanah air berlandaskan prinsip Perlembagaan Persekutuan.

Objektif

1. Mendukung kedaulatan Raja-Raja Melayu dan prinsip Perlembagaan Persekutuan;
2. Memperkasakan PSGSM sebagai wadah pelestarian jati diri watan melalui KOR AKWAM 181;
3. Mengupayakan KOR AKWAM 181 sebagai badan induk ahli sukarelawan untuk memupuk perasaan cintakan watan dan memacu agenda perpaduan nasional berteraskan watan.

Prinsip Aktiviti

1. Menggerakkan usaha ke arah pembinaan negara bangsa Malaysia melalui pendidikan pemikiran watan.
2. Menyebar luas serta mengukuhkan pemikiran watan dalam kalangan ahli dan warganegara Malaysia.
3. Membantu Kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan nasional.

PEMBINAAN CITRA KELUARGA MALAYSIA

Agenda KOR AKWAM 181 ditumpukan untuk mencapai maksud piagamnya untuk melestarikan watan tanah air sebagai teras jati diri bangsa Malaysia dan membina bangsa Malaysia yang mencintai watan tanah air berlandaskan prinsip Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, penglibatan dalam KOR AKWAM 181 adalah terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang sedang dan akan dilaksanakan dalam pelbagai bentuk aktiviti yang memfokuskan kefahaman seperti yang berikut:

1. Pendidikan kenegaraan.
2. Cintakan watan.
3. Kepimpinan.

PSGSM mengharapkan kerjasama dan sokongan pelbagai kementerian, agensi kerajaan negeri dan NGO untuk mengupayakan aktiviti KOR AKWAM 181 agar dapat menyebar luas faham watan dan pegangan jati diri bangsa Malaysia yang ditakrifkan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Rujukan untuk membangunkan pemikiran watan dan pegangan jati diri bangsa Malaysia yang sejahtera bagi maksud untuk mendukung Keluarga Malaysia ialah seperti yang berikut:

1. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2022. ***Kedaulatan Malaysia: Governan Utama Negara***. Abad Sinergi Sdn. Bhd: Selangor dengan kerjasama penerbit Universiti Malaysia Pahang.
2. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2020 (edisi semakan). ***Kenegaraan Malaysia: Sejarah, Kedaulatan dan Kebangsaan***. Perlis: Penerbit UniMAP.
3. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. ***Yang di-Pertuan Agong: Kedaulatan, Prerogatif & Amalan***. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama penerbit Universiti Malaysia Pahang. 2020.
4. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Hailan Salimun, Zulayti Zakaria. 2022 ***Asas Falsafah Negara Bangsa Malaysia Sejahtera***. Selangor: Abad

Sinergi Sdn. Bhd. dengan kerjasama penerbit Universiti Malaysia Pahang.

5. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. ***Silat Seni Gayong Falsafah dan Perjuangan***. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd. dengan kerjasama penerbit Universiti Malaysia Pahang.

Sehingga hari ini, KOR AKWAM 181 melaksanakan pelbagai aktiviti pendidikan kenegaraan melalui kolaborasi dengan pertubuhan serta institusi yang berminat.

USUL

PSGSM mengemukakan syor agar Kerajaan Persekutuan pimpinan YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob untuk memberi sokongan penuh kepada Piagam KOR AKWAM 181 dan menjadikannya sebahagian daripada aktiviti kementerian yang berkenaan.

26 Julai 2022

RUJUKAN

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Hailan Salimun, Zulayti Zakaria. 2022. ***Asas Falsafah Negara Bangsa Malaysia Sejahtera***. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd. dengan kerjasama penerbit Universiti Malaysia Pahang.

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. ***Silat Seni Gayong Falsafah dan Perjuangan***. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd. dengan kerjasama penerbit Universiti Malaysia Pahang.